

Perolehan BPPLAS naik 66 peratus

KUALA LUMPUR 3 Jun - Pengeluar plastik, BP Plastics Holding Bhd. (BP-PLAS) mencatatkan pertumbuhan perolehan kasar sebanyak 66 peratus kepada RM67.39 juta bagi suku pertama tahun ini berbanding RM40.62 juta bagi tempoh yang sama tahun lalu.

Pengerusi dan Pengarah Urusan BPP-LAS, Lim Chun Yow berkata, pencapaian itu diraih di sebalik persekitaran operasi yang mencabar pada tahun lalu.

Menurut beliau, BPPLAS berjaya mencatatkan kemajuan yang baik ke arah mencapai matlamat meraih perolehan lebih tinggi bagi suku pertama 2008

menerusi perluasan pasaran dalam segmen eksport.

"BPPLAS berjaya menunjukkan kemajuan besar dalam pasaran produk menerusi inisiatif khusus termasuk penyertaan dalam pameran-pameran perdagangan antarabangsa sejak tahun lalu," katanya dalam kenyataan akhbar di sini hari ini.

Bagi tempoh yang sama, BPPLAS turut mencatat keuntungan sebelum cukai sebanyak RM4.18 juta berbanding RM1.40 juta pada suku pertama 2007 manakala pendapatan bersih sebelum cukai melonjak 232 peratus iaitu

RM5.33 juta berbanding RM1.60 juta pada 2007.

Chun Yow berkata, BPPLAS juga telah menerima kelulusan bersyarat daripada Suruhanjaya Sekuriti bagi cadangan terbitan bonus sehingga 63.5 saham biasa baru pada harga 50 sen sesaham dalam saham syarikat itu.

"Syarat itu merangkumi kelulusan Bursa Malaysia Securities Berhad dan pemegang saham pada mesyuarat agung luar biasa (EGM) syarikat pada 10 Jun ini," katanya.

BPPLAS yang berpusat di Batu Pahat, Johor ditubuhkan pada tahun 1990, me-

rupakan pengeluar beg plastik pembungkusan dan *stretch film* untuk sektor industri, komersial, logistik dan gudang.

Disenarai di Papan Utama Bursa Malaysia pada 23 Februari 2005, ia memiliki dua kilang pengeluaran terletak di Taman Perindustrian Sri Gading, Batu Pahat yang berkeupayaan mengeluarkan 60,000 tan metrik produk setahun.

Kilang BPPLAS mengendalikan lebih 80 unit mesin pengeluaran yang menggunakan teknologi Eropah dan Amerika Syarikat dengan tenaga kerja kira-kira 350 kakitangan.